

**ISU-ISU BERKAITAN PERNIKAHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM DI MALAYSIA DAN KAEDAH PENYELESAIANNYA**

**ISSUES RELATING TO MARRIAGE WHICH VIOLATES ISLAMIC FAMILY LAW IN MALAYSIA
AND ITS SOLUTION**

Hasnizam Hashim*, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor, Nabilah Yusof.

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Corresponding Author): hasnizam@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengurusan institusi kekeluargaan yang efisien merupakan perkara penting dalam pembangunan modal insan dan juga merupakan perkara yang dituntut oleh Syarak bagi menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*). Hukum Syarak yang berkaitan dengan *munakahat* atau perkahwinan perlu diterjemahkan dalam bentuk proses dan prosedur yang teratur sebagai suatu garis panduan kepada masyarakat. Di Malaysia, selari dengan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembangan Persekutuan, tanggung jawab bagi mewujudkan proses dan prosedur ini digalas oleh Jabatan Agama Islam dan juga Mahkamah Syariah bagi negeri-negeri. Namun begitu, walaupun terdapat pelbagai khidmat berkaitan proses pernikahan dan juga perkhidmatan sokongan berkaitan diberikan, masih wujud pihak-pihak yang tidak mematuhi proses dan prosedur tersebut sehingga menyukarkan banyak pihak lain terutamanya agensi agama berkaitan. Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah hanya akan dirujuk apabila pihak-pihak ini berhadapan dengan masalah yang tidak mampu mereka selesaikan. Justeru, kertas kerja yang menggunakan metode kualitatif ini akan menganalisis tentang sejauhmanakah prosedur pernikahan sedia ada mampu untuk mendepani isu-isu dan permasalahan-permasalahan berkaitan perkahwinan yang tidak mengikut prosedur atau undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa prosedur perundangan sedia adalah teratur namun masih terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik bagi menyelesaikan permasalahan atau isu-isu yang berlaku.

Kata Kunci: *Pernikahan yang menyalahi undang-undang, isu-isu, kaedah penyelesaian, Malaysia.*

ABSTRACT

Efficient management of family institutions is an important matter in the development of human capital and is also a matter demanded by Shari'ah to protect the offspring (Hifz al-Nasl). Islamic law related to munakahat or marriage should be translated in the form of orderly processes and procedures as a guideline to society. In Malaysia, in line with the jurisdiction provided by the Federal Constitution, the responsibility for creating these processes and procedures is borne by the Islamic Religious Department and also the Syariah Courts for the states. However, although there are various services related to the marriage process as well as related support services provided, there are still parties who do not comply with the process and procedures that make it difficult for many other parties, especially related religious agencies. The Islamic Religious Department and the Syariah Court will only be consulted when these parties are faced with a problem that they are unable to solve. Thus, the paper that uses qualitative method will analyze the extent to which existing marriage procedures are able to deal with issues and problems related to marriage that

do not follow the procedures or laws of the Islamic Family in Malaysia. Preliminary findings of the study indicate that the existing legal procedures are orderly but there are still some aspects that can be improved to solve problems or issues that occur.

Keyword (s): *illegal marriage, issues, methods to resolve, Malaysia.*

Pendahuluan

Al-Quran al-Karim dan al-Sunnah adalah merupakan sumber utama hukum hakam bagi setiap perbuatan atau pelakuan *mukallaf*. Dalam aspek perkahwinan atau *munakahat*, nas-nas al-Quran dan juga hadis telah menerangkan segala hukum hakam yang berkaitan dengannya secara lengkap dan teratur. Walau pun hukum syarak telah menerangkan segala hukum hakam berkaitan *munakahat* dengan lengkap, ianya mestilah diterjemahkan dalam bentuk proses dan prosedur yang teratur. Dalam erti kata lain, perkahwinan dalam Islam mempunyai dua sisi iaitu sisi hukum dan sisi peraturan perundangan. Aspek hukum adalah merupakan perkara asas sah dan batal, halal dan haram sesuatu urusan *munakahat*. Manakala aspek peraturan dan perundangan pula adalah merupakan pelengkap kepada aspek hukum tadi dan termasuk dalam tuntutan untuk berlaku taat kepada peraturan yang dibuat oleh *ulil amri* atau pemerintah.

Jabatan Agama Islam di Malaysia telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan garis panduan yang jelas berkaitan proses perkahwinan bertujuan memudahkan masyarakat Islam yang ingin berurusan dengan hal ehwal *munakahat*. Garis panduan yang diwujudkan adalah penting dan perlu bagi mewujudkan sistem penyampaian yang berkesan serta berupaya mewujudkan pengurusan rekod yang efisien. Garis panduan yang diwujudkan juga adalah merupakan satu dokumen panduan awal yang jelas, mudah serta dapat memberi manfaat disamping menjadi rujukan kepada masyarakat yang memerlukan perkhidmatan di Jabatan Agama Islam dan juga di Mahkamah Syariah. Garis panduan yang diwujudkan adalah merupakan suatu komitmen bagi menjunjung hukum hakam agama dan memantapkan lagi proses *munakahat* berkenaan samaada di peringkat Jabatan Agama Islam mahupun di peringkat Mahkamah Syariah.

Walaupun terdapat garis panduan yang jelas berkaitan prosedur perkahwinan, namun masih terdapat kes-kes perkahwinan yang menyalahi atau bertentangan dengan prosedur perundangan sedia ada. Perkahwinan yang menyalahi undang-undang seperti nikah sindiket, kahwin lari, poligami tanpa izin dan nikah bawah umur sebegini menimbulkan pelbagai masalah dari segi hukum syarak dan undang-undang. Perkahwinan sebegini juga menyebabkan pelbagai permasalahan sosial yang akhirnya akan menyukarkan banyak pihak. Walaupun perundangan dan prosedur perkahwinan telah pun ada di setiap negeri di Malaysia, namun pernikahan yang menyalahi undang-undang ini masih tetap juga berlaku. Antara faktor yang menjadi penyebab utama permasalahan ini adalah kejahilan pihak-pihak berkaitan prosedur sedia ada dan implikasi sekiranya tidak mengikut prosedur tersebut. Justeru kertas kerja ini akan menghuraikan prosedur berkaitan perkahwinan berdasarkan perundangan Islam semasa, jenis-jenis pernikahan yang menyalahi undang-undang Keluarga Islam, implikasi dan kaedah penyelesaian. Penulis di dalam kerta kerja ini akan melihat prosedur perkahwinan di Wilayah Persekutuan sebagai contoh dan prosedur perkahwinan di negeri-negeri lain juga umumnya adalah sama dari segi asasnya.

Prosedur Pernikahan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Garis Panduan berkaitan perkahwinan atau pernikahan diwujudkan khusus sebagai panduan kepada pasangan yang ingin berkahwin untuk mengetahui aliran atau tatacara yang berkaitan dengan proses perkahwinan dari sebelum sehingga selesai akad nikah. Dengan adanya garis panduan ini, pasangan yang ingin berkahwin juga akan terselamat daripada terjebak dengan sindiket perkahwinan yang tidak bertauliah atau lebih tepatnya sebagai sindiket perkahwinan yang menyalahi perundangan.

Di Wilayah Persekutuan, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah (PUS) merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Bahagian ini terdiri daripada tiga

cawangan iaitu Pentadbiran dan Kewangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk' dan cawangan ketiga adalah Cawangan Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam. Cawangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk' bertanggungjawab terhadap semua urusan pernikahan, perceraian dan rujuk' orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sementara itu Cawangan Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam bertanggungjawab terhadap aduan dan penyelesaian masalah rumah tangga sebelum tuntutan ke Mahkamah Syariah manakala Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan aktiviti atau program pengukuhan institusi kekeluargaan. Bidang Kuasa Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) ini terikat sepenuhnya di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Fungsi Cawangan Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk' adalah seperti berikut: (<http://www.jawi.gov.my/index.php/my/bahagianjawi/perkahwinan-a-pembangunan-keluarga/nikah-cerai-a-ruju>).

- i. Memastikan urusan perkahwinan, perceraian dan rujuk dibuat mengikut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] (AUKI 1984).
- ii. Memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat dalam urusan perkahwinan, perceraian dan rujuk di Wilayah Persekutuan.
- iii. Bertanggungjawab menjalankan penyeliaan dan kawalan terhadap pengeluaran dan pendaftaran sijil nikah, cerai dan rujuk di Wilayah Persekutuan.
- iv. Memberi khidmat nasihat serta panduan kepada orang ramai berkaitan persoalan hukum dan prosedur perkahwinan, pendaftaran perceraian dan rujuk di Wilayah Persekutuan.
- v. Mengurus pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar Kanan, Pendaftar dan Penolong Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk' orang Islam.

Sementara itu, di Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor pula adalah merupakan satu-satunya Jabatan Agama Islam yang telah membangunkan sistem Nikah Cerai dan Rujuk secara dalam talian melalui capaian <https://ncr.jais.gov.my/>. Sistem Nikah, Cerai dan Rujuk Online Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merangkumi perkhidmatan utama untuk perkahwinan, cerai dan rujuk yang disediakan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Selangor JAIS. Bagi memudahkan masyarakat Islam untuk menggunakan sistem ini, Bahagian Undang-Undang Keluarga (BUUK) Jabatan Agama Islam Selangor telah membuat satu pamflet khas sebagai panduan kepada orang ramai (Bahagian Undang-Undang Jabatan Agama Islam Selangor, Pamflet Manual Pengguna Modul Pendaftaran Perkahwinan Sistem NCR Online).

Di Wilayah Persekutuan, berikut adalah merupakan prosedur wajib yang perlu dipatuhi oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin iaitu:

1- Menghadiri Kursus Pra Perkahwinan

Kursus Pra Perkahwinan yang dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Wilayah adalah mengikut Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kursus tersebut adalah diwajibkan kepada setiap individu yang belum pernah berkahwin. Kursus ini dianjurkan bertujuan memberikan maklumat dan pendedahan awal kepada bakal-bakal suami isteri yang akan mendirikan rumahtangga. Kursus ini dapat dijadikan panduan oleh mereka dalam menghadapi kehidupan berkeluarga dan akan dapat membantu dalam mengurangkan permasalahan rumahtangga dan perceraian yang dihadapi oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya. Bagi bakal-bakal pengantin, perkara yang perlu diambilkira bagi menjalani kursus pra perkahwinan ialah penetapan tarikh nikah dan menentukan tempat untuk menjalani kursus, mengikuti dua hari kursus (tanpa bermalam) dan setelah tamat setiap peserta kursus akan diberikan sijil kursus (Hasnizam Hashim et al., 2009).

Sementara itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah membangunkan satu sistem dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM). Ia

merupakan sistem yang disediakan berasaskan proses kerja untuk kegunaan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) khususnya Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di Malaysia secara lebih efisien dan teratur. Modul-modul yang terdapat dalam SPPIM antaranya ialah permohonan kursus pra-perkahwinan, permohonan kebenaran nikah, pendaftaran nikah sehinggalah kepada proses perceraian, rujuk dan rundingcara (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.sppim.gov.my/sppim/home>).

Pendaftaran Pra Perkahwinan Online di dalam SPPIM ini juga adalah satu inisiatif JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam negeri-negeri bagi tujuan memberikan kemudahan kepada pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan membuat pendaftaran kursus Pra Perkahwinan secara dalam talian. Pemohon boleh melakukan semakan jadual kursus bagi maklumat tarikh, masa dan tempat serta maklumat kekosongan kursus untuk pendaftaran (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.sppim.gov.my/sppim/home>).

2- Syarat permohonan bagi setiap pasangan yang ingin berkahwin

(a) Prosedur Permohonan Nikah (Lelaki)

Berikut merupakan prosedur bagi lelaki bujang atau duda yang hendak mendirikan rumahtangga di Wilayah Persekutuan.

- i. Pemohon yang bujang hendaklah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan.
- ii. Pemohon hendaklah mendapatkan borang permohonan kahwin dari JAWI atau Penolong Pendaftar Perkahwinan di kariah tempat tinggal pemohon.
- iii. Pemohon dan dua orang saksi lelaki dewasa hendaklah menandatangani borang permohonan kahwin dan mengemukakan sijil kursus kepada Penolong Pendaftar Nikah Kariah, mengikut alamat dalam kad pengenalan pemohon.
- iv. Pemohon hendaklah mendaftar di unit Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk'.
- v. Pemohon hendaklah mendapatkan surat kebenaran nikah.

Dokumen sokongan yang diperlukan pula adalah seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan/ Passport (Jika pemohon warganegara asing)
- ii. Salinan Kad Pengenalan 2 orang saksi/ Passport (Jika saksi warganegara asing)
- iii. Salinan Sijil Kursus Pra Perkahwinan yang diiktiraf oleh JAKIM
- iv. Surat Pengesahan Mastautin Pemohon daripada Penghulu/ Ketua Kampung/ Nazir Masjid/ Pengerusi JKKK/ Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Taman Perumahan.
- v. Surat Pengesahan Status Diri Majikan (Bagi yang ada majikan) atau Surat Akuan Sumpah (Bagi yang bekerja sendiri)
- vi. Surat Perakuan Cerai/ Kematian Pasangan dan salinannya. (Jika pemohon duda)
- vii. Surat kebenaran poligami daripada Mahkamah Syariah (Jika Beristeri)
- viii. Surat atau Kad Perakuan Islam dan salinannya. (Jika pemohon Saudara Baru)
- ix. Surat kelulusan dari KAGAT/ PDRM. (Jika pemohon anggota Tentera/ Polis)
- x. Surat kebenaran berkahwin daripada Konsulat atau Kedutaan atau Imegresen. (Jika pemohon warganegara asing).

Di samping itu, beberapa perkara berikut perlu diberikan perhatian oleh pemohon:

- i. Mereka yang telah bercerai hidup atau mati, hendaklah mengemukakan surat cerai atau surat mati.
- ii. Mereka yang di bawah umur 18 tahun, hendaklah mendapatkan kebenaran mahkamah terlebih dahulu.
- iii. Bagi pemohon yang baru memeluk Islam, hendaklah mengemukakan kad memeluk agama Islam.
- iv. Pemohon boleh memulakan proses permohonan tiga bulan sebelum tarikh nikah.

(b) Prosedur Permohonan Nikah (Perempuan)

Berikut merupakan prosedur bagi perempuan baik anak dara atau janda yang hendak berkahwin di Wilayah Persekutuan:

- i. Pemohon yang bujang hendaklah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan.
- ii. Pemohon hendaklah mendapatkan borang permohonan kahwin dari JAWI atau Penolong Pendaftar Perkahwinan di kariah tempat tinggal pemohon.
- iii. Pemohon dan dua orang saksi lelaki dewasa hendaklah menandatangani borang permohonan kahwin dan mengemukakan sijil kursus kepada Penolong Pendaftar Nikah Kariah, mengikut alamat dalam kad pengenalan pemohon.
- iv. Pemohon hendaklah mendaftar di unit Perkahwinan, Penceraian dan Ruju'.
- v. Pemohon hendaklah mendapatkan surat kebenaran nikah.

Sementara itu, dokumen sokongan yang diperlukan pula adalah seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan / Passport (Jika pemohon warganegara asing)
- ii. Salinan Kad Pengenalan 2 orang saksi/ Passport (Jika saksi warganegara asing)
- iii. Salinan Sijil Kursus Pra Perkahwinan yang diiktiraf oleh JAKIM
- iv. Surat Pengesahan Mastautin Pemohon daripada Penghulu/ Ketua Kampung/ Nazir Masjid/ Pengerusi JKKK/ Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Taman Perumahan.
- v. Surat Perakuan/ Pengesahan/ Akuan Sumpah Nikah Ibu Bapa. (Jika perempuan anak sulung atau wali adalah abang lelaki yang sulung)
- vi. Surat atau Kad Perakuan Islam dan salinannya. (Jika pemohon Saudara Baru)
- vii. Surat kelulusan dari KAGAT/ PDRM. (Jika pemohon anggota Tentera/ Polis)
- viii. Surat Perakuan Cerai/ Kematian Pasangan dan salinannya. (Jika pemohon Janda)
- ix. Surat kebenaran berkahwin daripada Konsulat atau Kedutaan atau Imegresen. (Jika pemohon warganegara asing).

Di samping itu, beberapa perkara berikut perlu diberikan perhatian oleh pemohon:

- i. Mereka yang telah bercerai hidup atau mati, hendaklah mengemukakan surat cerai atau surat mati.
- ii. Mereka yang di bawah umur 16 tahun, tiada wali dan janda berhias dalam masa iddah, hendaklah mendapatkan kebenaran Mahkamah Syariah.
- iii. Pemohon yang baru memeluk Islam, hendaklah mengemukakan kad Islam.
- iv. Jika perempuan kerabat Diraja, hendaklah mendapatkan surat kebenaran ke bawah DYMM Sultan.
- v. Bagi anak sulung perempuan atau wali (abang sulung) hendaklah mengemukakan surat nikah asal atau surat pengesahan dari mana-mana pejabat agama berhubung tarikh nikah ibubapanya.

Pernikahan Menyalahi Undang-Undang Keluarga Islam

Antara pernikahan yang menyalahi undang-undang keluarga Islam adalah nikah sindiket, kahwin lari, poligami tanpa izin dan nikah bawah umur.

1. Nikah Sindiket

Pernikahan yang mempunyai elemen yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang semasa serta hukum syarak boleh dikategorikan sebagai nikah sindiket (Intan Nadia et al., 2012). Kriteria atau unsur sesebuah pernikahan yang boleh ditakrifkan sebagai nikah sindiket adalah seperti kahwin lari, perkahwinan yang dibuat dihadapan jurunikah yang tidak mempunyai tauliah, sindiket nikah palsu yang dibuat dihadapan jurunikah yang bertauliah, sijil pernikahan yang palsu atau sijil nikah asli yang dipalsukan dan upacara perkahwinan yang didalangi oleh kumpulan haram (Intan Nadia et al., 2012).

Seksyen 12 (1) AUKI 1984 memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan itu tidak boleh didaftarkan sekiranya perkahwinan tersebut bersalahan dengan Akta. Walau bagaimanapun, sekiranya perkahwinan tersebut sah menurut hukum syarak, ianya masih boleh didaftarkan di bawah AUKI 1984 dengan cara mendapatkan perintah daripada mahkamah. Ini menunjukkan walaupun sesuatu perkahwinan itu gagal untuk mematuhi peruntukan yang terkandung dalam AUKI 1984 seperti nikah sindiket, ia masih boleh didaftarkan dengan cara mendapatkan perintah daripada mahkamah sekiranya perkahwinan tersebut telah memenuhi kehendak hukum syarak.

Sekiranya nikah sindiket yang dijalankan tidak memenuhi keperluan hukum syarak, perkahwinan tersebut juga dianggap tidak sah di sisi perundangan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 11 AUKI 1984. Seksyen 11 AUKI 1984 menyebut sesebuah perkahwinan tidak sah melainkan semua syarat menurut hukum syarak telah dipenuhi untuk menjadikannya sah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menganggarkan kira-kira 70 peratus pernikahan menggunakan khidmat sindiket adalah tidak sah menurut syariah. Bilangan kesalahan yang paling banyak adalah melibatkan kesalahan berkaitan wali (Osman Lisut, 2019).

2. Kahwin Lari

Kahwin lari adalah istilah yang bermaksud perkahwinan yang tidak mengikut akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. Perkahwinan ini diadakan oleh wali hakim tanpa persetujuan wali dan tanpa kebenaran pendaftar perkahwinan mukim yang berkenaan. Ia tidak semestinya dilakukan di negara luar, tetapi mungkin juga perkahwinan melalui sindiket yang tertentu dan dilakukan dalam daerah itu sendiri tanpa kebenaran wali (Mahamad bin Arifin, 2009). Selain itu, perkahwinan tanpa keizinan wali, Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Nikah, Cerai, dan Ruju' serta Hakim Syarie yang diupacarkan di Malaysia boleh dirujuk sebagai kahwin lari. Contoh kes kahwin lari adalah kes *Roziana Ramli lwn Muhannad Fazly bin Kamarunzaman* (No kes: 14200-010-0387-2007). Dalam kes ini, permohonan perintah daftar nikah secara sindiket difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Mengikut fakta kes, plaintiff bernikah dengan defendan pada 5 Ogos 2006 menggunakan wali hakim dan diakad nikahkan oleh jurunikah dari Thailand dan sebelum pernikahan, plaintif ialah seorang anak dara dan defendan telah beristeri. Mahkamah memutuskan bahawa pernikahan tidak sah menurut hukum syarak kerana wali hakim bagi pernikahan ini tidak mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wali hakim.

Menurut Muhamad Helmi et al. (2018), kahwin lari dilarang di kalangan orang Islam Malaysia dan perbuatan ini mendatangkan kesan undang-undang di bawah Kanun Keseksan kerana melakukan jenayah penculikan contohnya walaupun tidak ditangani secara khusus dalam mana-mana Undang-undang Syariah Malaysia.

3. Poligami tanpa kebenaran Mahkamah

Lelaki yang ingin membuat kontrak perkahwinan poligami perlulah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada mahkamah (seksyen 23 (1) AUKI 1984). Poligami tanpa kebenaran mahkamah merupakan satu kesalahan dan akan dikenakan penalti. Seksyen 123 AUKI 1984 menyebut jika seseorang lelaki berkahwin lagi di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada mahkamah, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu. Sekatan secara memberi kuasa kepada Mahkamah adalah perlu kerana Mahkamah akan memastikan pemohon layak dan mampu untuk menegakkan keadilan di antara isteri-isterinya serta mengelakkan kemudaratan terhadap perkahwinan yang sedia ada dan yang akan datang (Raihanah Haji Abdullah, 2019).

4. Nikah bawah umur

Had umur minimum perkahwinan yang melibatkan pasangan yang beragama Islam ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan 16 tahun ke atas bagi perempuan. Walaubagaimanapun, dalam keadaan tertentu perkahwinan bawah umur boleh dibenarkan oleh Hakim Syarie. Sebagai contoh, seksyen 8 AUKI 1984 menyebut "tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu". Namun begitu, perincian secara spesifik mengenai pertimbangan yang perlu diambil kira dalam 'hal keadaan tertentu' untuk memberikan kebenaran bagi pernikahan dengan pasangan bawah umur tidak dinyatakan dalam akta (Hasnizam Hashim et al., 2019). Pernikahan melibatkan pasangan bawah umur tanpa kebenaran mahkamah merupakan suatu kesalahan (Seksyen 19 AUKI 1984).

Permasalahan Berkaitan Pernikahan Menyalahi Undang-Undang Keluarga Islam

Pernikahan menyalahi undang-undang keluarga Islam akan menimbulkan masalah seperti yang akan dibincangkan di bawah.

1. Isu berkaitan Hukum Syarak

Menurut hukum syarak status akad nikah terbahagi kepada dua bahagian, pertama akad *sahih*¹⁶⁹, kedua, akad *fasid*¹⁷⁰ atau *batil*¹⁷¹. Namun demikian, menurut mazhab Syafi'iyah, tiada perbezaan antara *fasid* dan *batil*. Hukum nikah ini adalah haram. Melalui nikah *fasid* dan *batil*, suami atau isteri tidak mempunyai hak seperti hak yang wajib diperolehi melalui nikah yang sah iaitu hak mahar, nafkah, *musoharah*, *iddah* dan pensabitan nasab. Nikah *fasid* atau *batil* berlaku disebabkan oleh syarat sah nikah yang tidak sempurna. Syarat-syarat tersebut adalah meliputi syarat sah setiap rukun nikah iaitu syarat sah suami, isteri, wali, saksi dan sighthah (*ijab* dan *qabul*). Kesan akad nikah yang *fasid* dan *batil* adalah; pasangan suami isteri itu wajib dipisahkan, suami tidak wajib membayar mahar sekiranya *tafriq* (pemisahan) itu dibuat sebelum berlaku *dukhul* (*jimak*), tidak *sabit* haram kerana *musoharah* (perkahwinan), tidak wajib membayar nafkah, dan tidak saling mewarisi di antara suami dan isteri (Dr. Abdul Kariam Zaidan, 2000). Justeru, hanya nikah yang sah serta diiktiraf oleh syarak berhak menerima hak-hak yang telah ditetapkan oleh syarak. Nikah yang menyalahi undang-undang sekiranya tidak disahkan statusnya oleh syarak akan menyebabkan implikasi yang sama seperti nikah *fasid* iaitu pasangan tersebut tidak berhak menuntut bahagian harta pusaka dan nafkah.

2. Isu Undang-undang

Pasangan yang memilih untuk mengabaikan undang-undang dan meneruskan pernikahan dengan cara mereka sendiri juga terdedah dengan penalti undang-undang. Seksyen 39 AUKI 1984 menetapkan bahawa seseorang jurunikah boleh dikenakan penalti tidak lebih seribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekiranya didapati bersalah kerana mengakadnikahkan atau melakukan sesuatu yang berupa akad nikah sesuatu perkahwinan sedangkan dia tidak diberi kuasa.

Bagi seksyen 40 akta yang sama pula memperuntukkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran boleh menyebabkan denda dikenakan terhadap pasangan yang akan bernikah dan juga jurunikah. Selain itu, pasangan yang akan bernikah juga boleh dikenakan penalti sekiranya didapati berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa akad nikah atau menjalani sesuatu acara akad nikah dengan sesiapa jua yang

¹⁶⁹ Akad yang *sahih* adalah akad yang cukup rukun dan syarat sah nikah.

¹⁷⁰ Nikah *batil* adalah nikah yang tidak sempurna pada rukun nikah.

¹⁷¹ Nikah yang *fasid* adalah nikah yang tidak sempurna pada syarat sah nikah.

berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II AUKI 1984. Peruntukan ini terkandung di dalam Seksyen 40 (2) AUKI 1984 yang mengenakan penalti tidak lebih seribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya kepada pasangan yang didapati bersalah. Pasangan yang akan bernikah dengan tujuan untuk berpoligami tetapi tanpa kebenaran mahkamah secara bertulis boleh dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu (Seksyen 123 AUKI 1984). AUKI 1984 mewajibkan tiap-tiap orang untuk melaporkan perkahwinan yang taksah atau tak *legal*. Seksyen 27 menyebut adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang untuk melaporkan kepada Pendaftar tentang hal keadaan sesuatu kes dalam mana dia berpendapat bahawa sesuatu perkahwinan adalah taksah atau bahawa sesuatu perkahwinan yang kena didaftarkan telah diakadnikahkan bersalahan dengan Akta ini. Seksyen 125 (1) AUKI 1984 seterusnya menyebut jika seseorang berkewajipan membuat sesuatu laporan di bawah Akta ini dan dia bersengaja cuai atau tidak berbuat demikian maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

3. Isu Sosial

Kajian yang dijalankan oleh Zahiruddin (2015) mendapati bahawa pasangan yang bernikah tetapi tidak mengikut undang-undang akan menghadapi pandangan serong masyarakat kerana status pasangan tersebut. Sekiranya pasangan tidak mendaftarkan perkahwinan, maka pasangan tersebut boleh dianggap berkhalwat atau berzina kerana tiada rekod pendaftaran pernikahan yang didaftarkan oleh pasangan di pejabat agama walaupun pernikahan tersebut sah di sisi hukum syarak. Akibat dari itu, pasangan mungkin terpaksa sembunyi-sembunyi kerana malu untuk berhadapan pandangan masyarakat disebabkan status pasangan tersebut.

Kesimpulan

Islam amat menitikberatkan soal ketaatan hambanya kepada pemerintah, sehinggakan dalam urusan pernikahan juga, setiap individu wajib mentaati aturan, undang-undang serta prosedur yang telah diatur secara terperinci oleh pemerintah demi memelihara *maqasid syariah* iaitu *hifz al-nasl*. Pengesahan suatu pernikahan itu bukan hanya dituntut dari sudut syarak semata-mata, akan tetapi wajib dipastikan ianya sah menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Prosedur dan undang-undang ini adalah bertujuan untuk menjamin pasangan yang akan bernikah terhindar dari sebarang pemasalahan yang akan timbul akibat daripada pernikahan yang tidak mengikut prosedur serta menghindari daripada hukuman-hukuman atas kesalahan tersebut. Sebagai sebuah negara yang memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara, segala peraturan dan undang-undang mengenai urusan pernikahan telahpun diatitkan dengan jelas dan realistik, namun segelintir masyarakat masih lagi tidak menyedari akan kepentingan menguruskan pernikahan secara sah mengikut undang-undang. Kebanyakan pasangan yang terjebak dengan kes pernikahan menyalahi prosedur dan undang-undang adalah hanya untuk menghindari beberapa masalah yang bersifat sementara, tanpa menyadari bahawa implikasi yang lebih buruk dan berpanjangan akan menanti mereka di masa hadapan.

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa ketidakpatuhan masyarakat terhadap prosedur dan undang-undang ini adalah kerana kurangnya kesedaran mereka mengenai implikasi jangka panjang akibat menyalahi prosedur. Sebagai sumbangan ke atas kajian ini, pengkaji menyarankan beberapa perkara yang difikirkan mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menguruskan pernikahan mengikut prosedur dan undang-undang:

1. Mewujudkan Garis Panduan Awam mengenai prosedur pernikahan yang sah menurut syarak dan undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan wujudkan metod penyampaiannya kepada masyarakat.

2. Memperkukuhkan kandungan silibus Kursus Perkahwinan dengan memberi perhatian ke atas kepentingan status pernikahan dan implikasi pernikahan yang menyalahi prosedur dan undang-undang.
3. Memperbanyakkan informasi mengenai kewajipan memelihara institusi kekeluargaan dengan menekankan aspek implikasi pernikahan yang menyalahi prosedur dan undang-undang dalam majlis pengimaran ilmu di masjid-masjid.
4. Memantapkan kandungan silibus mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bab munakahat di peringkat sekolah menengah dengan memberi perhatian ke atas isu-isu implikasi pernikahan yang menyalahi prosedur dan undang-undang.

Pemerintah, masyarakat dan individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu ini. Demi memelihara maqasid syariah dalam menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*), adalah menjadi *fardhu ain* bagi setiap individu yang ingin bernikah untuk memastikan bahawa pernikahan mereka sah menurut syarak dan undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah merupakan hasil penyelidikan bertajuk 'Pembangunan Garis Panduan Pernikahan Mengikut Prosedur Undang-undang untuk Orang Awam di Malaysia', Kod Penyelidikan: PPPI/TB/FSU/18218.

Rujukan

- Abd al-Mutalib Abd. Razak Hamdan. (2007). *Al-Da'wa wa Ithbatihā fī al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. al-Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jami'.
- Akta Undang Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]
- Al-Farahaidi, Abd. Al-Rahman al-Khalil ibn Ahmad. (t.t). *Kitab al-Ain*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Humaidhi, Abd. Al-Rahman Ibrahim. (1989). *Al-Qadha' wa Nizamuhu fī al-Kitab wa al-Sunnah*. Makkah: Maahad al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurafi, Ahmad ibn Idris al-Sanhaji al-Misriyy al-Malikiyy. *Al-Dzakhirah fī furu' al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhailiy, Muhammad Mustafa. (1994). *Wasail al-Ithbat fī al-Syariah al-Islamiyyah wa-Muamalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Bahagian Undang-Undang Jabatan Agama Islam Selangor, Pamflet Manual Pengguna Modul Pendaftaran Perkahwinan Sistem NCR Online.
- Dr. Abdul Karim Zaidan. (2000). *Kitab Al-Mufassal fī Ahkam Al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fī al-Syariah Al-Islamiah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor & Intan Nadia Ghulam Khan. (2009) *Peranan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) dalam Menangani Krisis Rumah tangga*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan & Haliza A. Shukor. (24 September 2019). Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Sivil di Malaysia. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, KUIS*.
- Ibnu Abidin. (1995). *Hasyiah Rad al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar fī Fiqh Mazhab al-Imam Abi Hanifah*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad. (2001). *Majmu'ah al-Fatawa*. Cetakan kedua. Juz 7, Al-Mansurah: Dar al-Wafa', hlm 234. Lihat juga Ibnu Qayyim, 1996, *Ilam al-Muaqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, Juz 1, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut, hlm. 71.

- Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor & Nabilah Yusof. (2012). *Nikah Sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Jabatan Agama Islam Selangor. (3 Oktober 2019). Sistem NCR Online. <https://ncr.jais.gov.my/index.php>
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. (3 Oktober 2019).
<http://www.jawi.gov.my/index.php/my/bahagianjawi/perkahwinan-a-pembangunan-keluarga/nikah-cerai-a-ruju>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (3 Oktober 2019). Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia.
<http://www.sppim.gov.my/sppim/home>
- Jackson, A (2013) The Admissibility of Identification Evidence Made on the Basis of Recognition from Photographs Taken at a Crime Scene *R v Doherty [2016] EWCA Crim 246, The Journal of Criminal Law*.
- Mahamad bin Arifin. (2009). Kahwin Lari: Masalah dan Penyelesaiannya. *Undang-undang Keluarga dan Prosedur*. Selangor: Jabatan Undang-undang Islam Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim dan Pusat Undang-undang Harun M.Hashim UIAM.
- Mohd Zahiruddin Fahmi bin Ahmad Zakhi (2015) *Perkahwinan Tidak Mengikut Prosedur: Kajian Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah (Secara Kursus Dan Penyelidikan). Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamad Helmi Md Said, Noraini Md Hashim, Nora Abd. Hak & Roslina Che Soh. (2018). A Study of Elopement Among Muslims in Malaysia and Island of Lombok, Indonesia. *JUUM (Isu Khas)*, 104-114.
- Osman Lisut. (14 April 2019). 70 Peratus Nikah Sindiket Tidak Patuh Syariah. *BH Online*.
<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/04/552835/70-peratus-nikah-sindiket-tidak-patuh-syariah>
- Raihanah Haji Abdullah. (2019). Poligami di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 5 (2), 167-186.